

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI HASANUDDIN BIN MOHD
YUNUS [HULU LANGAT]**

TARIKH : 25 NOVEMBER 2020 (RABU)

SOALAN

DATUK HAJI HASANUDDIN BIN MOHD YUNUS [HULU LANGAT] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah stesen-stesen TV akan mengkaji semula waktu siaran drama dan animasi berbahasa Melayu pada jam 7.00 malam yang tidak menghormati mahupun tidak sesuai disiarkan pada waktu maghrib kerana majoriti penontonnya beragama Islam.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian melalui Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) sentiasa mengkaji kesesuaian slot *belting* atau jajaran siaran programnya agar memenuhi citarasa penonton segenap lapisan masyarakat. RTM sangat peka mengenai slot *belting* atau jajaran drama pada waktu 7 hingga 8 malam di salurannya terutamanya di TV1. Bagaimanapun RTM telah mencuba pelbagai pendekatan sebelum ini dengan menukar kandungan bagi slot berkenaan, termasuk mengadakan perbincangan bersama pihak JAKIM serta meletakkan program ilmiah

seperti *National Geography*. Namun, respon dan permintaan penonton lebih menggemari susunan program seperti sedia ada ketika ini.

Bagi mengimbangi keperluan pelbagai kumpulan penonton di negara ini, RTM menyusun kandungan berunsur rohani dan keagamaan untuk disiarkan dalam tempoh 6 petang hingga 7 malam. Tempoh berkenaan adalah lebih sesuai untuk penonton mendapat maklumat sebelum membuat persediaan untuk beribadah pada jam seterusnya.

Penonton bagaimanapun mempunyai kawalan sepenuhnya terhadap apa yang ingin ditonton. Penonton sentiasa digalakkan untuk menyusun masa tontonan yang bersesuaian dengan keperluan masing-masing. RTM turut menyediakan perkhidmatan video dan audio atas permintaan atau VOD/AOD di platform dalam taliannya iaitu MyKlik dan aplikasi RTM *Mobile*. Perkhidmatan merupakan nilai tambah yang membolehkan penonton menonton pada bila-bila masa mengikut keselesaan.

ASTRO pula menawarkan pelbagai perkhidmatan yang membolehkan para pelanggan menonton rancangan kegemaran pada bila-bila masa dan di mana sahaja. Fungsi rakaman melalui dekoder *Direct to Home (DTH)*, dan program tersedia melalui platform atas talian seperti *On Demand (OD)* dan *ASTRO GO* menyediakan akses kepada kandungan yang tidak lagi terikat kepada waktu tertentu. Maklumat rancangan boleh didapati melalui perkhidmatan *Electronic Program Guide (EPG)* juga dapat membantu pihak pelanggan memilih kandungan yang sesuai untuk tontonan mereka.

Sehubungan itu, dengan adanya pelbagai platform dan perkhidmatan yang disediakan, isu mengenai kesesuaian penyiaran kandungan dan penjadualan rancangan pada masa tertentu tidak relevan kepada penonton kerana mereka dapat melakukan kawalan sendiri kepada corak tontonan rancangan mereka.